

Selipar anyaman plastik jadi juara

SUNGAI PETANI - Menghasilkan selipar dari kotak dan plastik merupakan idea yang diangkat memenangi tempat pertama pertandingan reka cipta bahan kitar semula 2018 semalam.

Pelajar Diploma Perakaunan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kedah, Nur Azrien Hanie Mohd Rizal, 20, tidak menyangka idea yang diperoleh dari pengamatan melalui internet itu membolehkan dia diumumkan johan bagi kategori pelajar.

Menurutnya, dia hanya mengambil masa empat jam menyiapkan anyaman sepasang selipar menggunakan plastik dan kotak.

"Saya tengok di internet ada yang guna tali, saya ubah sikit idea tu dengan plastik. Buat pun sekadar suka-suka, tak sangka pula boleh menang," katanya.

Sementara itu, kakitangan pentadbiran Seksyen ICT UiTM, Khairul Wanis Ahmad, 38, yang diumumkan menang tempat pertama



Nur Azrien Hanie menunjukkan selipar yang dianyam menggunakan plastik dan kotak.

pula menjelaskan, dia menghasilkan rak makanan dari pada kotak dan surat khabar.

Menurutnya, produk berkenaan boleh digunakan bagi menyusun atur bekas makanan agar lebih sistematis.

"Selain menjimatkan ruang, ia juga boleh mencantikkan ruang dapur dengan susunan menarik

menggunakan rak kitar semula ini," katanya.

Pertandingan reka cipta bahan kitar semula 2018 itu dianjurkan bersempena pelancaran Program Recycle For Life yang mendapat kerjasama E-Idaman, Yayasan Sultanah Bahiyah, My Kasih Foundation di Universiti Teknologi Mara, Kedah.